

## **LAPORAN KAJIAN PEGAWAI PENILAI (PP) PUSAT BERTAULIAH**

### **ABSTRAK**

Perkembangan ekonomi dan sektor perindustrian telah menyebabkan peningkatan dalam penggunaan teknologi tinggi dan terkini. Sistem latihan kemahiran dan vokasional sediada perlu fleksibel dan responsive untuk memenuhi cabaran-cabaran baru tersebut. Perkembangan ini memberikan kesan yang signifikan kepada MLVK untuk membuat kajian ini. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kekompetenan Pegawai Penilai (PP) di pusat bertauliah yang menjalankan program latihan kemahiran. Kajian telah dilakukan ke atas Pegawai Penilai (PP) di 300 Pusat Bertauliah seluruh negara dan seramai 296 orang telah memberi maklumbalas. Borang kajiselidik telah diedarkan dan diterima melalui pos. Kajian ini menunjukkan bahawa sebanyak 87% PP dari Pusat Bertauliah Awam dan 74% PP dari Pusat Bertauliah Swasta mempunyai pengalaman kerja melebihi tiga tahun. Ini menunjukkan PP berpengalaman dalam bidang kemahiran masing-masing. Cadangan penambahbaikan telah diberikan seperti mewajibkan PP mengikuti kursus kursus Pegawai Latihan Vokasional / pedagogi, bagi memastikan mereka boleh menyampaikan latihan dengan lebih berkesan dan efektif serta seseorang PP hanya boleh mengajar satu bidang sahaja iaitu bidang kemahiran yang dimiliki bagi memastikan PP dapat memberi tumpuan pada pelatih.